

RAMAI orang kita yang sukakan spekulasi. Jangkaan dibuat terhadap apa saja, apatah lagi jika kesudahan kepada sesuatu yang diramalkan itu membolehkan ada antara mereka yang meraih faedah daripadanya. Sekurang-kurangnya dapat juga mereka bersorak gembira.

Dalam pada itu, merekajuga tidak perlu membayar apa-apa harga atau menanggung sebarang kerugian jika apa yang menjadi bahan spekulasi mereka tidak menepati penghujung yang dihajati.

Pelbagai alasan boleh saja diada-adakan untuk memuaskan hati sendiri atau setidak-tidaknya menuding jari kepada itu dan ini untuk mengubati ego yang sedikit robek jika spekulasi berkesudahan dengan diri sendiri menjadi momokan.

Kepada sebahagian, ia mungkin menjadi keseronokan. Kepada sebahagian yang lain pula, ia mungkin menjadi tekanan. Itulah namanya spekulasi yang ada tepat dan silapnya - berbeza dengan pertaruhan yang ada menang dan kalah.

Pertemuan dinanti-nantikan di antara Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, yang diuar-uarkan berlangsung hari ini, turut memuncakkan pelbagai ramalan yang tentunya bercanggahan.

Berbanding sebelumnya apabila ada yang meramalkan kedua-duanya masih boleh bertentang mata di meja rundingan manakala ada beranggapan kebarangkalian itu tidak mungkin berlaku, kini spekulasi berkisar pula kepada bagaimana bentuk kesudahannya nanti.

Sambil kedua-dua pihak berlawanan pendapat itu kini menerima hakikat pertemuan Abdullah-Dr Mahathir akan berlaku juga, percanggahan pandangan sebaliknya membahagikan sebahagian yang meyakini ia akan menghasilkan banyak kebaikan di sebalik sebahagian lagi meramalkan ia tidak akan mengubah apa-apa.

Sama-sama punya dalil dan alasan untuk menyokong hujah masing-masing tetapi pada peringkat ini tiada apa dapat mengelakkan pertemuan pemimpin dan bekas pemimpin ini daripada berlangsung melainkan salah seorang atau kedua-duanya mengubah pendirian.

Didahului oleh Dr Mahathir, Selasa lalu, untuk bersetuju terhadap daya usaha Majlis Bekas Wakil Rakyat (Mubarak) agar pertemuan itu diadakan dan dapat dilangsungkan pada bulan Ramadan penuh keberkatan ini, Abdullah menyambutnya sehari kemudian dengan kesediaan untuk mendengar apa saja yang akan dibangkitkan serta memberi pandangan balas.

Tiga tahun lalu, ketika kuasa berpindah tangan secara amat terhormat, harus tiada siapa menduga bahawa pertemuan ini - berlatarbelakangkan senario politik terkini -- bakal berlaku atau perlu. Kini, pertemuan itu dilihat satu pihak sebagai amat bertepatan sambil satu pihak lain menggambarkannya sebagai tidak dapat dielakkan.

Jika dihalusi lagi, akan terlihat perdebatan kononnya bukanlah sangat Abdullah yang bersungguh-sungguh mahukan pertemuan itu melainkan tunduk kepada desakan Dr Mahathir. Abdullah, kepada golongan ini, hanya rela dalam terpaksa.

Golongan berbeza pula akan mengingatkan kepada kenyataan Abdullah secara berulang-ulang sejak pentadbirannya dikritik bahawa beliau tidak pernah mengetepikan kemungkinan mendepani Dr Mahathir, cuma masa dan keadaan akan menentukan.

Tidak pernah timbul bayangan kononnya Abdullah mahu melarikan diri daripada bekas ketuanya itu melainkan adanya usaha berterusan daripada pihak berlawanan yang memberikan gambaran sedemikian atas sebab-sebab yang mereka harus lebih ketahui, tidak terkecuali untuk meraih laba politik.

Kemudian, disusuli persetujuan Abdullah untuk pertemuan itu diadakan tanpa sebarang syarat, persoalan dibangkitkan pula terhadap keengganan Perdana Menteri bersetuju terhadap kehadiran orang ketiga, baik sebagai saksi atau pemuahcara.

Di sebalik Abdullah lebih cenderung kepada pertemuan hati ke hati yang lebih telus dan tulus tanpa melalui atau bersaksikan orang ketiga - pendekatan yang kemudiannya tidak pun dibantah Dr Mahathir - ada pula yang memilih untuk menilainya berbeza.

Maka, bingkaslah satu pihak mengandaikannya sebagai tiadanya keikhlasan di pihak Abdullah, kononnya juga ia akan menyukarkan Perdana Menteri memutarbelitkan butir perbincangan itu kemudian, hinggalah kepada tanggapan kononnya banyak yang mahu disembunyikannya daripada pertemuan itu.

Tidak cukup dengan itu, ada yang sudah awal-awal menghakimi segala rentetan menjelang berlangsungnya pertemu-

an itu sebagai petanda kemenangan di pihak Dr Mahathir dan kekalahan di pihak Abdullah.

Pada ketika ramai di kalangan ahli Umno harus mengharapkan kedua-dua pemimpin amat objektif dalam mengarahi pertemuan itu, barangkali juga benar ada segolongan yang menghajati matlamat itu digagalkan agar Abdullah dapat terus diletakkan di bawah tekanan.

Sama seperti sebelumnya ketika mereka mengharapkan Abdullah mengekalkan sikap membisu elegannya sebagai bayangan beliau tidak mempunyai jawapan terhadap segala kritikan, harus kini mereka mengharapkan Perdana Menteri sekadar menjadi pendengar dalam pertemuan yang dijangkakan hari ini.

Tetapi Abdullah juga sudah membuktikan sikap membisunya hanya untuk beberapa ketika dalam menantikan masa bersesuaian bagi memberikan jawapan. Atas perkiraan itu juga, Perdana Menteri boleh diyakini akan memilih ruang untuk pandangannya turut didengar daripada mengiyakan segala apa yang akan diperkatakan.

"Saya sanggup mempertaruhkan hinga ke ringgit terakhir saya bahawa pertemuan empat mata ini tidak akan berlangsung," kata seorang pemerhati yang cenderung di pihak Dr Mahathir beberapa minggu lalu. Yang jelas, dia hampir pasti dibuktikan silap.

Namun, pertemuan ini bukanlah berlandaskan kepada siapa menang dan kalah kemudian. Jauh daripada berbentuk pertaruhan, ia juga bukan untuk mengentengahkan cakap siapa di antara kedua-duanya yang harus didengar.

Tujuannya tidak lain daripada mencari persetujuan bersama di sebalik perselisihan faham dan perbezaan pendapat di antara Dr Mahathir dan Abdullah meskipun boleh diandaikan tidak semua kekusutan boleh dirungkai dan dilerai sesingkat satu pertemuan duduk semeja.

Tidak mungkin Dr Mahathir mengharapkan segala pandangannya dipatuhi dan semua tuntutan dituruti pada ketika keutamaan dan pendekatan Abdullah sudah menampakkan kelainan walaupun tidak semuanya sekali berbeza.

Di pihak Abdullah pula, tidak mungkin boleh diandaikan semua penjelasan atau hujah balasnya akan diterima bulat-bulat sebagai penenang keadaan mahupun sebagai restu untuk beliau terus mengorak langkah besar ke hadapan.

"Saya amat sedar ke mana arah tujuan saya sejak mengambil alih kepemimpinan dan saya amat prihatin dengan apa yang ingin saya lakukan," kata Abdullah tanpa langsung menampakkan tanda-tanda rimas untuk bersemuka di bawah pemerhatian ramai.

Dibandingkan sebahagian yang mengharapkan kegagalan daripada pertemuan empat mata ini, sebahagian lagi tidak harus dinafikan harapan mereka terhadap terlerainya apa yang dilihat sebagai suatu sengketa.

Kalaupun ia tidak memungkinkan terungkainya segala kekusutan, persefahaman bersama terhadap sebahagian daripada modal kritikan terhadap Abdullah sejauh ini sudah boleh dianggap sebagai amat bermanfaat demi memelihara perpaduan dalam Umno daripada menjadi bahan gurauan.

Juga berbeza dengan sebelumnya apabila Dr Mahathir menghalakan kritikan-nya pada setiap kesempatan terluang sambil Abdullah mempunyai caranya sendiri untuk menjelaskan keadaan, pertemuan secara bertentang mata memungkinkan suasana sama sekali berlainan.

Andainya semua faktor lain gagal mengubah keadaan, Ramadan yang makin menghampiri penghujungnya serta Syawal yang kian menggamit, diharap mampu mendorong ke arah perbincangan hati ke hati yang dapat memenangkan semua.

Pertemuan menang-menang dinanti